



مجلس بنداراي قتالغ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (29)

Tarikh: 16 April 2025

PRIHATIN TERHADAP PENJAGAAN MATA: MBPJ DAN LIONS CLUB PETALING JAYA ANJUR '15TH BLIND LEADING THE BLIND ANNUAL CHARITY WALK 2025'.

Prihatin terhadap kepentingan penjagaan mata serta cabaran yang dihadapi oleh individu yang mengalami masalah penglihatan, Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama Lions Club Petaling Jaya (LCPJ) akan menganjurkan program '15th Blind Leading the Blind Annual Charity Walk 2025' bertempat di Laman MBPJ, Jalan Yong Shook Lin, Petaling Jaya.

Acara yang memasuki edisi ke-15 ini dijadualkan akan berlangsung pada 27 April 2024 dengan menghimpunkan hampir 3,000 peserta dari pelbagai latar belakang yang akan berjalan sejauh 3 kilometer secara berpasangan – dengan salah seorang menutup mata menggunakan kain penutup dan seorang lagi bertindak sebagai penunjuk arah. Peserta akan diberi peluang untuk bergilir-gilir dalam peranan ini bagi mengalami sendiri bagaimana rasanya kehilangan penglihatan secara tiba-tiba dan kebergantungan sepenuhnya kepada orang lain untuk meneruskan perjalanan.

YBrs. Tuan Haji Mohamad Zahri bin Haji Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya dalam ucapannya memberitahu bahawa program ini bukan sahaja bertujuan meningkatkan kesedaran awam mengenai kesihatan mata, tetapi turut memberi peluang kepada masyarakat untuk menyelami dunia mereka yang hidup dalam kegelapan sekali gus membina empati, kefahaman dan tindakan yang lebih inklusif.

“Melalui pengalaman berjalan dengan mata tertutup, para peserta dapat merasai sendiri kesukaran dan ketidakpastian yang dihadapi oleh mereka yang mengalami masalah penglihatan setiap hari dan diharapkan pengalaman ini dapat membuka mata hati masyarakat untuk lebih menghargai keupayaan melihat serta dalam masa yang sama menghulurkan sokongan kepada golongan yang kurang bernasib baik. Inilah semangat sebenar komuniti penyayang yang ingin kita suburkan di Petaling Jaya,” ujar beliau.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Program yang kali terakhir diadakan pada tahun 2019 ini diteruskan semula pada tahun 2025 untuk memberi fokus kepada pengumpulan dana bagi kos rawatan mata dan pembedahan katarak, khususnya dalam kalangan individu cacat penglihatan yang tidak berkemampuan. Program ini turut mendapat sokongan penuh daripada Persatuan Orang Buta Malaysia (MAB) dan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

Sejak diperkenalkan pada tahun 2003, 'Blind Leading the Blind Charity Walk' telah menjadi platform utama bagi Program 'Sight-First' yang bertujuan menyediakan penjagaan mata kepada masyarakat umum dengan keutamaan kepada mereka yang berpendapatan rendah. Dana yang dikumpul digunakan bagi pemeriksaan mata percuma, rawatan serta pendidikan pencegahan kebutaan.

Sepanjang penganjuran program ini, LCPJ turut bekerjasama erat dengan Hospital Mata Nasional Tun Hussein Onn dan hampir RM1 juta telah berjaya disumbangkan bagi manfaat masyarakat kurang berkemampuan di seluruh Malaysia termasuk kawasan luar bandar seperti Keningau, Sabah dan Kapit, Sarawak. Sumbangan ini telah memungkinkan lebih daripada 20,000 pemeriksaan mata percuma serta 2,000 pembedahan katarak percuma dijalankan.

Melalui penganjuran program ini, Majlis berharap agar kesedaran tentang pentingnya penjagaan penglihatan akan terus tersebar luas sekali gus mendorong tindakan kolektif masyarakat untuk membantu golongan yang memerlukan.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بنداراي قتالغ جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL :

Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (30)

Tarikh: 27 April 2025

HAMPIR 1,500 PESERTA SERTAI '15TH BLIND LEADING THE BLIND CHARITY WALK 2025', MENINGKATKAN KESEDARAN DAN MENYOKONG PENJAGAAN PENGLIHATAN.

Laman Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) hari ini menjadi tumpuan dengan kehadiran hampir 1,500 peserta dari seluruh negara yang menyertai '15th Blind Leading the Blind Annual Charity Walk 2025' anjuran MBPJ dengan kerjasama Lions Club Petaling Jaya (LCPJ).

Acara tahunan yang memasuki edisi ke-15 ini dimulakan seawal jam 7.30 pagi, dengan peserta berkumpul penuh semangat, bersatu dalam perjuangan untuk meningkatkan kesedaran dan keprihatinan terhadap mereka yang menghadapi cabaran penglihatan. Dalam perjalanan sejauh 3 kilometer ini, mereka bukan sekadar berjalan, tetapi turut merasai pengalaman hidup dalam kegelapan. Seorang peserta menutup mata menggunakan kain penutup, manakala seorang lagi bertindak sebagai penunjuk arah, mengharungi perjalanan penuh ketidakpastian. Peserta bergilir-gilir peranan ini, bukan hanya untuk memahami sepenuhnya kebergantungan kepada orang lain, tetapi juga untuk menyelami emosi dan perjuangan harian individu yang berhadapan dengan kekurangan penglihatan.

YBrs. Tuan Haji Mohamad Zahri bin Haji Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya, telah hadir untuk menyempurnakan acara pelepasan peserta (Flag Off) yang bermula dan berakhir di Laman MBPJ.

Program yang terakhir diadakan pada tahun 2019 ini diteruskan semula pada tahun 2025 dengan objektif utama mengumpul dana bagi menampung kos rawatan mata dan pembedahan katarak, terutamanya untuk individu cacat penglihatan dari golongan kurang berkemampuan. Program ini turut mendapat sokongan penuh daripada Persatuan Orang Buta Malaysia (MAB) dan Pusat Perubatan Universiti Malaya (PPUM).

Sejak diperkenalkan pada tahun 2003, 'Blind Leading the Blind Charity Walk' telah menjadi platform utama bagi Program 'Sight-First', yang bertujuan menyediakan penjagaan mata kepada masyarakat umum dengan memberi keutamaan kepada mereka yang berpendapatan rendah. Dana yang dikumpul disalurkan untuk pemeriksaan mata percuma, rawatan serta pendidikan pencegahan kebutaan.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil)

Sepanjang penganjuran program ini, LCPJ telah bekerjasama erat dengan Hospital Mata Nasional Tun Hussein Onn dan berjaya mengumpul hampir RM1 juta untuk manfaat masyarakat kurang berkemampuan di seluruh Malaysia, termasuk kawasan luar bandar seperti Keningau, Sabah, dan Kapit, Sarawak. Sumbangan ini telah memungkinkan lebih daripada 20,000 pemeriksaan mata percuma serta 2,000 pembedahan katarak percuma dijalankan.

Melalui penganjuran program ini, MBPJ berharap kesedaran tentang pentingnya penjagaan penglihatan akan terus tersebar luas sekali gus mendorong tindakan kolektif seluruh masyarakat untuk membantu golongan yang memerlukan.

Dikeluarkan oleh:

Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695



مجلس بندياري قتالينج جايا

MAJLIS BANDARAYA PETALING JAYA

Jalan Yong Shook Lin, 46675 Petaling Jaya, Selangor Darul Ehsan.

Tel : 603 - 7956 3544 Faks : 603 - 7958 1494

Hotline MBPJ : 603 - 7954 2020 E-mel : aduan@mbpj.gov.my Laman web : www.mbpj.gov.my

KENYATAAN AKHBAR

BIL : Ruj. Kami: MBPJ.UKK.100-9/1/7 (31)

Tarikh: 27 April 2025

MBPJ JALIN KERJASAMA DENGAN MSOSH PERKASA BUDAYA KKP MELALUI SAMBUTAN HARI KKP SEDUNIA 2025: CATAT MALAYSIA BOOK OF RECORDS.

Majlis Bandaraya Petaling Jaya (MBPJ) dengan kerjasama Pertubuhan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia (MSOSH) telah menganjurkan **Majlis Sambutan Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Sedunia 2025** dengan penuh gemilang di Dewan Sivik, MBPJ hari ini. Majlis perasmian telah disempurnakan oleh YBrs. Tuan Haji Mohamad Zahri bin Haji Samingon, Datuk Bandar Petaling Jaya.

Hari Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (KKP) Sedunia atau lebih sinonim dengan panggilan *World OSH Day*, diperkenalkan oleh Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) dan disambut pada tanggal 28 April setiap tahun di seluruh dunia. *World OSH Day* juga adalah sebahagian daripada program Sambutan Hari Pekerja.

Bertemakan "**Merevolusikan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan: Peranan Kecerdasan Buatan (AI) dan Pendigitalan di Tempat Kerja**", sambutan yang menghimpunkan ribuan pengamal industri, pelajar serta pemegang taruh dari seluruh negara ini, mengetengahkan kepentingan adaptasi teknologi digital dalam memperkasa amalan keselamatan dan kesihatan pekerjaan, selari dengan aspirasi dasar negara seperti Pelan Induk Perindustrian Baharu 2030 (NIMP 2030), Dasar Pendigitalan Negara, Malaysia Digital Economy Blueprint (MyDIGITAL), dan Dasar AI Negara.

Dalam ucapannya, Datuk Bandar Petaling Jaya menekankan bahawa penggunaan teknologi terkini memainkan peranan penting dalam meningkatkan efisiensi serta meminimumkan risiko di tempat kerja.

"Kita tidak lagi boleh bergantung sepenuhnya kepada pendekatan tradisional. Revolusi digital, termasuk kecerdasan buatan, mesti dimanfaatkan sepenuhnya untuk memperkukuh keselamatan dan kesihatan di tempat kerja. MBPJ komited untuk menjadi peneraju dalam membudayakan inovasi ini demi kesejahteraan warga kerjanya," katanya.

Pengisian program sambutan ini dimeriahkan lagi dengan pelbagai aktiviti menarik termasuk pertunjukan dron, pameran industri, cabutan bertuah dengan hadiah utama sebuah motosikal serta aktiviti interaktif yang meraikan dedikasi para pengamal keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia.

Antara acara kemuncak ialah **penganjuran "The Largest Participation in OSH Exercise in Malaysia"**, yang berjaya mencipta rekod baharu dalam **Malaysia Book of Records (MBOR)**. Sijil pengiktirafan MBOR telah diserahkan dalam majlis perasmian sekaligus mencipta sejarah baharu dalam landskap keselamatan dan kesihatan pekerjaan negara.



www.mbpj.gov.my



Majlis Bandaraya Petaling Jaya



[pjcitycouncil](https://www.pjcitycouncil.com)

Sambutan ini juga bertepatan dengan ulang tahun ke-54 penubuhan MSOSH, memperlihatkan perjalanan gemilang organisasi ini sejak tahun 1971 dalam memacu budaya keselamatan dan kesihatan pekerjaan di Malaysia.

Sebagai penutup majlis sambutan, acara ini turut menyaksikan penganugerahan **Sijil Profesional Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan (SHP dan OSHTr)** kepada para pengamal industri terpilih, sebagai pengiktirafan kepada kompetensi dan dedikasi mereka dalam memperkasa bidang KKP.

Sambutan Hari KKP Sedunia 2025 ini jelas mencerminkan komitmen berterusan Majlis dalam memperkasa tempat kerja lebih selamat, lebih sihat, dan lebih bersedia mendepani era pendigitalan.

Dikeluarkan oleh:

**Sekretariat Media
Unit Komunikasi Korporat,
Majlis Bandaraya Petaling Jaya.**

Laman web: www.mbpj.gov.my, facebook: Majlis Bandaraya Petaling Jaya, twitter: [pjcitycouncil](https://twitter.com/pjcitycouncil),
emel: media@mbpj.gov.my Tel : 03-79563544 sambungan 203/204, Faks : 03-79582695